

TARIKH : 23 JULAI 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 11
SURAT

Angkat kewarganegaraan inklusif dalam RMK 13 pastikan keadilan untuk semua

RHB Rabu, 23 Julai 2025

Komentar

11

Angkat kewarganegaraan inklusif dalam RMK13 pastikan keadilan untuk semua



Pengarah dan
Pengasas Bersama
Aegis Research

Oleh Dr Nurfarhana Che Awang
bhrencana@bh.com.my

Tempoh kini ketika Kerajaan MADANI sedang giat merangka dan merencana Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Tanpa kita sedari Malaysia sedang berada di posisi ambang transisi penting, iaitu antara cabaran sosioekonomi, peningkatan tarif, perubahan iklim, kecerdasan buatan (AI) dan tekanan globalisasi semakin kompleks.

Justeru, tumpuan perancangan utama RMK13 tidak seharusnya lagi tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata, sebaliknya lebih menumpukan pembangunan benar-benar inklusif yang mengiktiraf warga tanpa mengira latar belakang, agama, etnik, lokasi atau status rasmi mereka.

Seiring agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), pemimpin sering kali melaungkan slogan "tiada siapa terpinggir" dalam pelbagai ucapan rasmi dan pelan pembangunan.

Namun, masih ramai komuniti terpinggir dan terisih seolah-olah slogan hanya retorik. Banyak golongan terpinggir seperti wanita di luar bandar kurang memiliki akses kesihatan dan pendidikan, golongan belia marginal di bandar yang terpinggir daripada peluang ekonomi, migran dan pelarian tanpa dokumen serta Orang Asli yang hak dan tanah adat tradisinya terancam.

Oleh itu, RMK13 adalah ruang tepat untuk kerajaan dengan berani keluar daripada pendekatan konvensional pembangunan berasaskan angka dan indeks semata-mata.

RMK13 perlu digunakan untuk mengangkat konsep "kewarganegaraan inklusif" sebagai asas kepada perancangan yang membolehkan pengiktirafan, penyertaan bermakna dan adil dalam semua akses seperti sumber, perkhidmatan serta ruang pembuatan keputusan.

Mengapa idea dan langkah ini penting? Pembangunan tidak inklusif dan menyisihkan golongan marginal akan berterusan melahirkan ketidakpercayaan masyarakat serta rakyat kepada institusi negara.

Apabila wujud golongan atau rakyat merasakan tidak dilihat dan didengari, jurang sosial dan politik akan semakin melebar serta memberi kesan kepada sistem dan amalan demokrasi negara itu sendiri.

Pertama, menetapkan indikator pembangunan sosial berasaskan keadilan dan pengiktirafan.

Kedua, menginstitutionkan mekanisme libat urus komuniti dalam penggubalan dasar dan pemantauan pelaksanaan, terutama daripada golongan belia, wanita dan minoriti.

Ketiga, memperluaskan lagi perlindungan sosial untuk komuniti rentan, termasuk mereka tidak memiliki dokumen, tetapi menyumbang kepada masyarakat.

Keempat, menstrukturkan kembali bantuan dan dasar awam berasaskan keperluan, bukan status rasmi semata-mata agar semua warga berpeluang memiliki akses dan menyertai pembangunan dan pembuatan keputusan negara.

Dalam hasrat kerajaan membangunkan Malaysia yang benar-benar adil dan sejahtera pada masa hadapan, ia memerlukan keberanian politik jitu untuk melibatkan dan mengangkat suara yang selama ini dikecewakan.

RMK13 bukanlah sekadar dokumen pelan lima tahun perancangan semata-mata, tetapi peluang menilai dan merangka kembali kontrak sosial antara rakyat dengan negara.

Kita perlu merenung kembali kisah *Hikayat Sejarah Melayu*, iaitu *Perjanjian di Antara Sang Sa Perba* (rakyat) dengan *Demang Lebar Daun* (pemerintah) yang secara literasinya cuba menyatukan jika pemimpin kurang mementingkan soal nasib rakyat, kelak rakyat akan bangkit menentang.

Realitinya, negara tidak boleh berterusan membangunkan ekonomi semata-mata sambil membiarkan komuniti rentan terus terperangkap dalam dakapan kemiskinan, ketidakpastian dan kehilangan suara.

Sekiranya, Malaysia ingin kukuh dan bersatu menjelang 2050, asas atau sifirnya perlu dimulakan daripada sekarang, iaitu melalui perancangan pembangunan nasional yang meletakkan kewarganegaraan inklusif sebagai pendirian dan nadi pada RMK13.

“RMK13 bukanlah sekadar dokumen pelan lima tahun perancangan semata-mata tetapi peluang menilai dan merangka kembali kontrak sosial antara rakyat dengan negara”